

Newspaper	Suara Keadilan
Date	30/4/2013

Anwar paling layak jadi PM Malaysia — Yusuf al-Qaradawi

Suara Keadilan - 30/4/2013



NIK AZIZ bersama hadirin berdoa agar Pakatan diberi kemenangan dalam PRU13.

MURSYIDUL AM PAS, Datuk Nik Aziz Nik Mat melancarkan surat terbuka Sheikh Dr Yusuf Al Qaradawi, seorang tokoh Islam terkenal dunia.

Pelancaran warkah itu disempurnakan pada majlis di Surau Apartment Pantai Permai, Pantai Dalam, sekitar 3 petang 26 April lalu.

Program itu dianjurkan calon Keadilan Parlimen Lembah Pantai, Nurul Izzah Anwar yang turut hadir sama.

Dalam surat itu, Yusuf al-Qaradawi yang juga Pengerusi Ulama Sedunia menyatakan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai individu paling layak menerajui negara sebagai Perdana Menteri Malaysia.

Berikut ialah petikan kandungan surat berkenaan:

“Sesungguhnya saya sendiri berpandangan bahawa Anwar Ibrahim, berdasarkan sejarah

dan pengalamannya, kebijaksanaan dan perjuangannya, kesabaran dan kecekalannya, sejak usia mudanya yang awal hingga ke hari ini, juga kecintaan yang diperolehinya daripada orang yang baik-baik dari kalangan rakyat Malaysia, dari kalangan Melayu dan Cina, maka dia selayaknya berada pada pilihan yang paling atas untuk memegang jawatan ketua kerajaan dan Perdana Menteri bagi memimpin Malaysia.

Beliau adalah orang yang paling layak menduduki kerusi kepimpinan ini. Paling layak untuk melaksanakan tuntutan-tuntutan bernegara pada marhalah yang cukup penting ini, bagi membangunkan Malaysia dan memajukannya pada semua sudut. Inilah perkara yang kalian sudah sepakati sepanjang masa yang lalu.”